

# MyGDI NEWSLETTER

Issue No 1 (2015)

[www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my)

## **"3<sup>RD</sup> DIVISIONAL MEETING OF UNITED NATIONS GROUP OF EXPERTS ON GEOGRAPHICAL NAMES, ASIA SOUTH-EAST" PADA 13 MEI HINGGA 14 MEI 2015 DI HANOI, VIETNAM**

**M**esyuarat dan Seminar 3<sup>rd</sup> Divisional Meeting of United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN), Asia South-East (ASE) telah diadakan di Hanoi, Vietnam dari 13 Mei hingga 14 Mei 2015. UNGEGN (United Nations Group of Experts on Geographical Names) ialah salah satu daripada tujuh buah badan pakar tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di bawah naungan Badan Ekonomi dan Sosial PBB yang dibentuk berdasarkan Resolusi ECOSOC No. 715A (XXVII) pada 23 April 1959 dan Resolusi No 1314 (XLIV) pada 31 Mei 1968. Ianya bertujuan untuk mewujudkan piawaian nama geografi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai asas penyelarasan piawaian nama-nama geografi global, UNGEGN menggalakkan penggunaan nama-nama tempatan yang menggambarkan bahasa dan tradisi sesebuah negara. Matlamat UNGEGN juga menggalakkan sesebuah negara membentuk sendiri nama-nama geografi kebangsaan melalui pihak berkuasa tempatan.



### KANDUNGAN

<i>"3<sup>rd</sup> Divisional Meeting of United Nations Group of Experts on Geographical Names, Asia South-East" Pada 13 Mei Hingga 14 Mei 2015 di Hanoi, Vietnam</i> .....	1-2
Program GIS Day @ UPSI 2015 : Demo UAV.....	3-4
<i>Revision Malaysian Standard for Geographic Information/Geomatics - Feature and Attribute Codes (MS 1759:2015)</i> .....	5



UNGEKN ASE ini di anggotai oleh 12 buah negara yang terdiri daripada Bhutan, Kemboja, Malaysia, Filipina, Thailand, Laos, Brunei Darussalam, Indonesia, Myanmar, Singapura, Sri Lanka dan Vietnam.

Bagi sidang kali ini, delegasi Malaysia ke Vietnam diketuai oleh YBhg. Datuk Sr. Ahmad Fauzi bin Nordin (Ketua Pengarah JUPEM, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) Malaysia) selaku ketua delegasi, Sr. Hj. Ahmad Akhir Bin Tompong (Timbalan Pengarah MaCGDI, mewakili Pengerusi Kumpulan Kerja

Pangkalan Data Nama Geografi & Gazetir Kebangsaan (KKPDNG)), Encik Rusli bin Abd. Ghani (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka), Encik Wilson Lim Tien Huat (Penolong Setiausaha Kerajaan – Infra, Unit Perancang Ekonomi Melaka) dan Encik Mohd Fadzli bin Tajuid (Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka).

Seminar UNGEKN ASE Division telah diadakan pada 13 Mei 2015 dengan tema “*Geographical Name in International Integration*”. Antara tajuk yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK KERTAS PEMBENTANGAN
Kertas 1	<i>Geographical Names In International Integration - Vietnam Association on Geodesy – Cartography and Remote Sensing</i>
Kertas 2	<i>Geographical Names – The Role of Economic Integration, Culture and Society – Department of Survey and Mapping of Vietnam</i>
Kertas 3	<i>Some Remarks On Place – Name and Trade Mark – Institute of Social Sciences Information, VASS, Vietnam</i>
Kertas 4	<i>Cultural, Social and Economic History and Toponymy in Italy, The Example Cases of Villafranca and Roncole – Roberto Destefanis, Ma, Italia</i>
Kertas 5	<i>Hanoi’s Street Names: A Reflection of a Political, Cultural City – Institute of Vietnamese Studies and Development Sciences</i>
Kertas 6	<i>Myth and Divinity in Geographical nomenclature of modern continents – Andrea Gallo</i>
Kertas 7	<i>Tasek Merimbun : Heritage and Ecotourism Towards Brunei’s Vision 2015, Dr Muhamad Hadi, Brunei</i>

Pada 14 Mei 2015, mesyuarat UNGEKN ASE Division berlangsung dan dipengerusikan oleh Dr Peter N. Tiangco dari Filipina. Hasil daripada mesyuarat ini, resolusi yang dicadangkan adalah ASE Division akan membangunkan dan menyediakan peta serantau (*regional map*) dan gazetirnya sendiri serta merangka pembangunan program latihan kepada semua ahli di bawah naungan ASE Division.

Secara keseluruhannya, mesyuarat dan seminar UNGEKN ASE bahagian 3 ini berlangsung dengan jayanya. Penyertaan delegasi Malaysia dapat menimba ilmu dan pengalaman serta memberi sumber inspirasi bagi merangka polisi dan standardisasi mengenai nama-nama geografi di Malaysia di samping memperkasakan Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (PDNG). Disamping itu, hubungan kerjasama yang lebih rapat dapat dijalin dan memudahkan

pertukaran ilmu pengetahuan dalam bidang penamaan nama-nama geografi bagi rantau ASE Division seterusnya ke peringkat *United Nations*.



Program GIS Day diadakan setiap tahun dan pada tahun ini program ini telah diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Program GIS Day @ UPSI 2015 ini telah dianjurkan oleh Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) dengan kerjasama Kelab Geografi, Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pihak Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Dr. Zainudin Othman, Dekan FSK, UPSI. Program ini telah disertai seramai 110 mahasiswa semesta 6 dan 8 FSK, UPSI, 25 pegawai MaCGDI, 25 pegawai INSTUN dan pensyarah-pensyarah UPSI.



Pelbagai acara telah diadakan iaitu slot wacana, aktiviti *explorace*, aktiviti penghasilan *Story Map* dan pameran. Para mahasiswa dan hadirin turut diberi pendedahan dengan teknologi terkini iaitu cerapan data menggunakan alat *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)*.

Sesi taklimat dan demo berkaitan (UAV) telah disampaikan oleh pihak INSTUN. Taklimat ringkas berkaitan UAV adalah untuk memberi kefahaman kepada mahasiswa berkaitan prosedur kerja dan cara pengendalian UAV. Aktiviti diteruskan dengan sesi demo UAV di mana pegawai INSTUN telah menerbangkan UAV bagi melakukan data cerapan untuk mendapatkan data kawasan sekitar.





Demo ini juga dapat memberi pendedahan secara nyata kepada mahasiswa dan pensyarah UPSI selain dapat melihat sendiri bagaimana pengendalian UAV dilakukan. Program GIS Day @ UPSI 2015 ini selaras dengan agenda nasional dalam memacu usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam segala bidang seperti mana yang dihasratkan di dalam Wawasan 2020. GIS Day @ UPSI 2015 ini juga telah dapat meningkatkan kerjasama dan *networking* di antara pihak MaCGDI, UPSI dan INSTUN, di samping itu ianya dapat menyediakan wadah dengan menyalurkan kepakaran antara kesemua pihak.

Pada masa kini, UAV merupakan alat yang canggih yang mudah didapati. Pengguna boleh merakam imej dari udara secara tepat dan mengubahnya menjadi 2D dan 3D. Ia merupakan kaedah baru bagi pengumpulan data raster yang boleh digunakan bagi pemetaan di kawasan yang luas mahupun kecil. UAV digunakan untuk mendapatkan data imej dan vektor bagi sesuatu kawasan. Kejituan alat UAV antara 10 cm. Kelebihan UAV adalah bersaiz kecil, ringan dan sangat mudah untuk diselenggara. Perancangan penerbangan diperlukan sebelum penerbangan dilakukan. Selain itu, sebelum melakukan penerbangan menggunakan UAV, permit penerbangan daripada Jabatan Penerbangan Awam perlu diperolehi terlebih dahulu.






## Revision Malaysian Standard for Geographic Information/Geomatics - Feature and Attribute Codes (MS 1759:2015)

**D**okumen MS 1759 dibangunkan bagi penyediaan prosedur pengkodan fitur dan atribut dalam penstrukturan maklumat geospasial berdigit bagi tujuan perkongsian maklumat geospasial. Penyelarasan dalam pemakaian dokumen ini adalah bagi memudahkan proses pertukaran dan integrasi maklumat geospasial. Selain itu, ianya dapat dijadikan sebagai platform dalam pembangunan pangkalan data GIS agensi mengikut struktur di dalam MS 1759.

Menerusi mesyuarat dan bengkel yang telah diadakan bersama agensi tunjak dan *custodian* (APD), beberapa penambahbaikan dan pindaan telah dilaksanakan antaranya:

- i) Menilai semula keperluan kod-kod fitur dan atribut terutama bagi fitur-fitur yang dipetakan pada skala besar;
- ii) Cadangan baru, penambahbaikan dan pindaan sub kategori, kod fitur dan atribut;
- iii) Keperluan menaik taraf atribut kepada fitur;
- iv) Pindaan/perubahan format; dan
- v) Pemurnian dengan dokumen-dokumen lain ( contoh: IHO S57 dan Manual GIS JPBD).



Dokumen MS 1759 secara umumnya telah dibuat semakan dan penambahbaikan bagi memenuhi keperluan agensi/ jabatan di Malaysia. Beberapa langkah serta tindakan telah diambil bagi memastikan dokumen MS 1759 dapat dikemaskini dan dibuat *revision* untuk diguna pakai oleh agensi/ jabatan serta pengguna maklumat geospasial yang lain. Justeru, satu draf dokumen MS 1759 *First Revision* telah dihasilkan dan telah dibuka untuk tujuan *Public Comment* iaitu:

- i) *First Public Comment* : 01/11/2013 - 31/12/2013; dan
- ii) *Second Public Comment*: 01/07/2014 - 31/08/2014.



### DITERBITKAN OLEH:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPASIAL NEGARA (MaCGDI),

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI,

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,

62574 PUTRAJAYA

TEL.: 03-88861156

FAX: 03-88894851

Website: [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my)



Segala komen, pertanyaan dan cadangan boleh diemalkan ke email [or.macgdi@1govuc.gov.my](mailto:or.macgdi@1govuc.gov.my)